

Individu sembunyi jenayah seksual terhadap kanak-kanak boleh didenda RM5,000

PUTRAJAYA – Mana-mana individu yang tidak melaporkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak boleh didenda sebanyak RM5,000 atas kesalahan bersubahat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim (**gambar**) berkata, hukuman tersebut terkandung dalam Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 bertujuan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak.

“Hal ini sangat serius kerana berdasar-

kan statistik pihak polis, sebanyak 80 peratus kes jenayah seksual dilakukan

oleh orang yang dikenali mangsa seperti bapa, abang, bapa saudara dan jiran,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Transit Remaja Kafe@ Teen Putrajaya di Presint 16 di sini semalam.

Menurut Rohani, hukuman tersebut tidak terhad kepada anggota keluarga mangsa malah individu lain yang mengetahui tentang

kejadian jenayah itu termasuk guru atau jiran akan tetap dikenakan hukuman yang sama.

